OUT NOW!



32 tracks cassettes from this Brazilian punks!
order your copy now from...

crop circle records

c/o anix
PT 9865, Jln Merbau, Kg Batu 2 1/2,
24000 Kemaman, Terengganu,
Malaysia
myspace.com/cccrecs

MASKED READER #3



DUM DUM TAK • ARTICLES
KOKAK • PHOTOS • ETC.



NAMA: masked reader

ISU: ketiga

TARIKH: 10 disember 2007

EDITOR: anix

EMAIL: slipar_jepung@hotmail.com

LAYOUT: nizang

COVER DEPAN: rizie

COVER GIRL: linda

INSPIRASI: majalah mangga. euww!!

TERIMA KASIH KEPADA: Allah, Diri sendiri, Linda, Nizang, Rizie, Dum Dum Tak, Kokak, Daud Emo, Along Spek dan sesiapa sahaja yang membantu pembikinan zine tahi ini. WACAA!!

thanks (38)

KENTAK MUZIKA ALUNAN KATA

Assalamualaikum dan salam setiakawan, perkenalan, persahabatan serta kehangatan untuk kita semua. Sisipan puji-pujian dan kesyukuran diabadikan ke hadrat Illahi, gugusan selawat dan salam buat Rasul junjungan. Bagaimana kondisi anda semua di luar sana? Harap sentiasa bahagia selalu di samping orang yang tersayang. Alright, Here's come again my baby!! Apa yang anda pegang sekarang adalah isu ketiga Broken Rock/masked reader. Haha. Macam tak percaya je dah sampai isu tiga. Mungkinkah aku bermimpi? Aku ingatkan aku dah tak mampu buat zine lagi, tapi dah takdir. Nak buat macam manakan? Walaupun isu Masked Reader baru isu ketiga, jika disamakan dengan usia manusia, ia baru berusia setahun jagung dan tidak berupaya menangani mehnah dan tribulasi dalam dunia globalisasi ni. Tetapi usia tidak menjadi ukuran, yang penting aku sentiasa akan memajukan zine ni dari isu ke isu. (padahal diri sendiri pun belum maju lagi!) maju dari segi isi dalam kandungan, kekemasan dan sebagainya.

Secara umumnya, zine ini masih kelihatan sama seperti isu sebelumnya. (ye ke?) Boleh juga aku katakan ianya masih membosankan. Mungkin juga lebih brengset dari sebelumnya. Masih lagi mempunyai coretan-coretan membabi buta ala-ala cakar lembu laut dari aku. Terdapat juga artikel-artikel dari teman-teman. Terima kasih daun terup kepada teman-teman kerana sudi menyumbangkan sesuatu untuk zine yang tidak seberapa ini.

Macam-macam permintaan dan pandangan yang diberi oleh kawan-kawan setakat ini. Ada yang mengikut hokum akal, ada yang mengarut menyalahi hokum akal, kelakar tak ingat, tak masuk akal, hilang akal, hilang fikiran, hilang dara dan sebagainya. Entahlah. Kadang-kadang terhibur jugak hati bila dapat macam-macam pandangan dari kawan-kawan camni. Haha. Mana permintaan dan pandangan yang boleh aku buat, pasti aku akan cuba buat walaupun sehingga hilang akal. Haha. Jangan risau, bagi aku sedikit masa untuk merancang, menyusun dan melaksanakannya mengikut kesesuaian. Mana yang mengarut hilang akal tu, maaflah ye! Teruskan memberi pandangan kerana anda lah yang nampak macam-macam pasal zine ni. Baik dan buruknya. Aku pakat belasah je asalkan siap. So, ni lah masanya anda nak menjadi editor!



mereka-mereka yang gemarkan band-band modern rock/grunge seperti Muse, Butterfingers dan lain-lain. Datang dengan cover kemas, dan ringkas hitam putih. Antara lagu yang menarik di telinga aku ialah 'it won't be late', 'a place' dan lagu-lagu lain agak sama bertenaga jugak. Hail, modern rock! Stuck music 2929-J, Taman Muhibbah, 05350, Jalan Sultanah, Alor Star, Kedah, Malaysia www.myspace.com/blusterdoffline

V/A Thrash It Up! Cd (Epidemic Records)/RM10
Wah, antara CD yang amat menarik aku perolehi baru-baru ni. Dengan cover art yang amat menarik dan Under Attack ditampilkan, sudah membuatkan CD ini "wajib-beli" untuk aku. CD ini dirasmi oleh kugiran Yogyakarta dari Singapura. Aku selalu mendengar nama band ni sebelum ni, dan ternyata aku amat menyukai band ni! Dengan vocal yang nakal bersahaja, drum laju halilintar dan gitar kering. Memang aku tidak akan melepaskan peluang jika ada peluang untuk melihat mereka beraksi. Mereka menyanyikan lagu tentang punk tahi, DIY, dan lain-lain. Relationshit pernah beraksi di beberapa kota di Malaysia sekitar 3 tahun lepas. Thrash laju marah dari Jakarta, tapi dalam rakaman kali ni mereka agak melodic dan kurang laju. Bercerita tentang 'narrow-minded', memilih untuk tidak mengundi, dan lain-lain. Turut diselitkan dua lagu spoken-words dengan diiringi lagu (macam Kasih Sayang). Sudah lama aku tunggu rakaman dari Under Attack dari Singapura, kini ia berada di tangan aku. Hahahah! Memang laju dan rocking sekali.

Antara lagu kegemaran aku ialah 'Punk as fukk, fukked as you!', 'it's ok!', 'shoot and kill'. Lirik mereka berkenaan ketidak-kisahan samada sxe, vegan, punk mabuk: semuanya sama saje, otai dalam scene, mahu bom syarikat MNC kalau dalam penjara ada scene hardcore, internet dan skatepark! Haahhaha...! Suara Anak Muda pula mewakili, hahha Malaysia dengan irama fastcore marah mereka. Aku merasakan vocal stail ini kurang sesuai dengan music sebegini, tapi itu pilihan masing-masing. Seakan-akan grindcore. Lirik-lirik dari mereka pula agak poetic mengenai system yang merogol anda, menolak tua dan lain-lain Tiada explanation, aku rasa mereka perlu menyatakan explanation pada rilis akan datang kerana stail lirik mereka agak susah difahami oleh orang-orang IQ rendah macam aku. Kecuali kalau mereka ingin membiarkan ianya terbuka utk orang interpret. Sekian. Dapatkan dari distro-distro yang mencarry CD ini atau try kontek terus Epidemic c/o Muhd Zarifi, Blk 381 Clementi Ave 5, #09-384 Singapore 120381 atau epidemic_distro@hotmail.com harga RM10 itu tidak termasuk kos penghantaran weh! Aku beli by hand sendiri dari tokey label mase gig CBU in KL tempoh hari. (nizang)

Bawah Tanah Comic Fanzine (A5/copied/BM)/RM2+stamps
Dah lama scene hc/punk local takde comic zine/art zine selain zine Core Peps. Lukisan-lukisan dalam zine ni agak baik gak ler walaupun kekadang jelas ada pengaruh lukisan-lukisan kartunis terkenal yang lain dari comic-comic terkenal di pasaran. Cerita-cerita dalam komik ni pun tak banyak sgt



berkaitan dengan scene atau kehidupan mamat dan minah hc/punk/independent music, sikit-sikit jer. Kat baju karektor-karektor komik ni banyak tulis band-band hc/punk/metal tempatan dan luar Negara. Mohd Amri bin Mohamad Noh No. 52, Jln Saga 1, Tmn Saga, 68000 Ampang, Selangor atau gang38th2000@yahoo.com (nizang)

Ripple Mag #42 (Bahasa Indonesia/printed)/RM25
Aku pernah beli magazine ni saiz poket #2 masa kat gig Heaven's Studio, Ampang zaman Pak Kaduk dulu. Kepada mereka yang ada masa zaman tu mesti kenal Heaven's Studio kat mane. So, setelah sekian lama tak tahu pasal perkembangan magazine ni. Aku terjumpa mereka di MySpace. Kelihatan mereka sudah maju bangat berbanding dulu. aku ada tanye pada mereka bila mereka boleh memasarkan majalah mereka ni di Malaysia. Haha! Mereka pun jawab, setakat ni hanya di Indonesia. Satu hari nan indah, tika sang matahari tersenyum riang, hujan tiba-tiba melanda Bandar Kuala Lumpur. Aku dengan Rizie terkandas di Campbell Complex lalu pergi melepak di kedai Tools And Trade. Tanpa berpikir panjang, aku beli majalah ni. Mahal sikit pun takpe. Aku ni mmg suka beli walaupun tak bace sangat pun majalah! Lagipun support kedai Tools And Trade.

Apa yang menarik dalam majalah ni? Selain dari susun atur yang amat kemas dan design yg cantik dan berseni, ia menampilkan 17 tips-tips yang berguna. Contoh: tips berhenti masturbasi, tips design cover CD/kaset, tips untuk memecat ahli band anda, tips membuat webzine dan zine, tips membuat record label, tips melancarkan diet anda, dan lain-lain. Hoho! Selain itu, ia juga menampilkan beberapa band independent maupun tak independent seperti The Upstairs, Soledad Brothers, Erlend Oye dan juga Free Love. Aku tak menyesal membeli majalah ni. Ripple Magazine HQ, Jl Mutumanikam No. 71, Bandung 42065 or www.ripplemagazine.net or ucay@ripplemagazine.net (nizang)

Macam-macam permintaan dan pandangan yang diberi oleh kawan-kawan setakat ini. Ada yang mengikut hokum akal, ada yang mengarut menyalahi hokum akal, kelakar tak ingat, tak masuk akal, hilang akal, hilang fikiran, hilang dara dan sebagainya Entahlah. Kadang-kadang terhibur jugak hati bila dapat macam-macam pandangan dari kawan-kawan camni. Haha. Mana permintaan dan pandangan yang boleh aku buat, pasti aku akan cuba buat walaupun sehingga hilang akal. Haha. Jangan risau, bagi aku sedikit masa untuk merancang, menyusun dan melaksanakannya mengikut kesesuaian. Mana yang mengarut hilang akal tu, maaflah ye! Teruskan memberi pandangan kerana anda lah yang nampak macam-macam pasal zine ni. Baik dan buruknya. Aku pakat belasah je asalkan siap. So, ni lah masanya anda nak menjadi editor!

Cakap banyak tak guna, tapi kena cakap jugak. Semoga terhibur semasa membaca. Apa yang kurang itu datang dari aku, dan yang sempurna itu dari tuhan. Panjang dah ni, cukup lah agaknya. Sekiranya anda semua rasa zine ini baik, bagus dan menarik, sila la cadangkan atau hadiahkan kepada seseorng untuk dikongsi bersama keseronokkannya. Jumpa lagi, tempur terus, senyum selalu dan PUNK SOKMO!

Baru-baru ni masa aku tengah asyik dibuai mimpi, aku dikejutkan dengan satu panggilan telefon! Gila! Kacau gua tidur! Haha. Kawan aku ajak pergi kerja. Kerja tu sehari jer, kerja mengecat tong kapal. Besar jugaklah. Ada dalam 4 tong. Kerja dibayar mengikut jam. Kerja semacam rilek, tapi yang tak tahan kerja tengah panas. Batul kata Linda, pancaran matahari itu sakit! ? aku pun pergilah keje, cari duit sket. Cat punya cat dari pagi sampai ke petang. Petang tu hujan turun. Hujan tak lebat mana, ala hujan halau kambing jer. Kuang3x. Tengah kerja tu tak payah kira lah, bos selalu datang tengok. Tak bebas maaa. Kerja tu kena sambung esok.

Nak dijadikan cerita, esoknya aku bangun bapak lambat. Lebih kurang pukul 2 lebih. Miss call sahaja dekat 25x agaknya. Last-last aku call office. Member aku cakap bos marah, pastu cakap kat aku tak payah datang. Lagi pun dia dah cat sendiri. Manja lah bos tu. Kerja yang tinggal sket je lagi. Bising je lebih. Salah aku jugak kot sebab bangun lambat! Tapi aku bukan sengaja nak bangun lambat. Maklumlah, dah biasa, hari-hari macam tu. Pastu aku dapat tahu yang bos tak nak bayar gaji sebab xbuat kerja habis. Fuck. Bengang gila tahap dewa. Kerja tengah panas, kulit jadi hitam, baju kena cat, tapi tak nak bayar gaji. Aku pun jenis malas nak cari pasal, menda kecik, tak kan sampai nak gaduh. Memang itu hak aku! (gaji) tapi aku siapa, dia siapa. Tu company dia, bukan company aku. Lagipun dia bos, boleh pijak bila-bila masa jer. Fuck upper class.



the garrison @ KL



Kerja itu memang memenatkan. Pernah tak anda terfikir , dari mana datangnya perkataan kerja (work) tu? Semestinya tidak bukan? Aku ada terbaca dari booklet vinyl band apa ntah, lupa plak. Mengikut kamus English lama, perkataan werk/work merujuk atau bermaksud 'to suffer'. Memang menyiksakan. Betul tak? Takde orang yang tak pernah tension dengan kerja. Ada juga yang kerja gila babi sampai botak tengah kepala. Huahua. Kalau Tanya aku, kerja tu memang tak best. Lagi-lagi kerja bawah orang. Aku tau, memang mula-mula kerja tak boleh jadi bos. Tapi inilah realitinya. Kita telah dikontrol/dikawal. Adakah anda suka hidup anda dikontrol? Adakah anda suka kepada orang yang mengawal hidup anda? Apakah anda benci bila kebebasan anda telah dicuri? Adakah anda suka waktu hidup anda dipenuhi denan waktu bekerja?

Aku rasa semua orang akan berkata tidak. Tak seorang pun yang suka hidupnya dikong-kong. Tak seorang pun di atas bumi ini berhak memberi perintah ke atas diri anda! Setiap orang berkuasa penuh/mutlak ke atas diri sendiri. Semua orang seharusnya bebas. Semua orang inginkan kesamarataan. Tidak seorang pun yang boleh memperkotak-katikkan anda. Setiap orang bebas memilih jalan hidup masing-masing. Tapi jangan lupa, orang lain juga ada kebebasan sama dengan anda! Tak paham? Aku macam dah mengarut ni..hurm..maksud aku, bebas bukan beerti mengganggu kebebasan orang lain. Tolak segala bentuk pengawalan ke atas diri kamu. Tapi aku di sini tidak mahu mengaitkan dengan agama kerana aku percaya pada agamaku. Ia adalah soal bergantung kepada individu masing-masing. Dan yang pasti semua orang berhak ke atas diri masing-masing Mereka boleh memilih mana satu yang baik dan mana satu yang buruk. Kita ada akal kan, fikirkanlah. Realitasnya kita perlu bekerja untuk hidup di dunia globalisasi ini. Right?

"this wonderful generosity- A third of our lives to do what we please – doesn't look that great to me – in fact it doesn't even look fair –they call it youthful idealism –and even I would have to agree with them –except some of us grow up and it's still there."
–OPERATION IVY



RUANGAN ULASAN

Taste Of Flesh 'Hail hail Thrash' CD (rip kids/ teriak keras)/RM6
Waduh, ini laju bangat sih dan amat rocking sekali. TOF merupakan band thrash dari Indonesia. Ternyata ia merupakan sebuah kugiran political dengan 'fukk the rich, feed the poor' tertera di muka depan booklet CD ini. Lirik-lirik mereka menigsah-kan tentang kos perubatan yang mahal, politik scene dan lain-lain. Aku beli CD ni dari Kidd dengan harga RM6, harga dalam rupiah gwe nggak tau. Kontek sendiri tof_88@yahoo.com www.tasteofflesh.tk, teriak records: jl. Pitara rt. 05/14 no. 49 depok 16436 Indonesia. Atau Rip Kids: jl. Dukuh 2 no. 169. depok 1 -16432, Indonesia www.ripkids.com (nizang)



ViA Half The Battle/Play/Feud (Delusion Of Terror/Take Four)/RM15
Tiga kugiran hardcore dan dua buah DIY label dari Filipina bergabung untuk menyiapkan sebuah 3 way split CD. Half The Battle datang dengan lapan lagu berentak hardcore dengan vocal garang mengaum dengan part-part youthcrew nyanyi ramai-ramai. Mereka mengisahkan tentang ketamakan 'orang dewasa' dalam lirik mereka, kepentingan diri sendiri sesetengah orang, dan lain-lain. Sempat mengcover lagu dari Good Clean Fun yang sungguh bes sekali. Play juga memain-kan irama yang agak sama seperti HTB dengan vocal yang lebih laju dan selambe berbanding HTB. Lirik lebih kepada semangat utk menentang, bersatu, dan juga satu lagu pasal cinta. Feud merupakan band yang tidak asing lagi dari Filipina. Kali ini muzik mereka lebih bertenaga. Kejap melodic, kejap laju dengan vocal yg lebih beremosi dengan banyak part sing along. Banyak mesej yang agak mendalam tentang reality kehidupan, ketidak-bekersanan system politik, dan Genetically Modified Organism! Ape menatangkah GMO itu? Aku pun baru nak explore tentang isu ini. Jadi, ada baiknya kamu cari fakta tentang GMO ini di internet. Delusion of Terror, 299 Bintog, Plaridel, Bulacan 3004 Phillipines delusion.of.terror@gmail.com or TakeFour Collective, P.O Box 3900 CPO, Manila 1000 Phillipines, getintouchxxx@yahoo.com or takefourcollective.com (nizang)





Cannaris 'cannarijuana' cdr (Gegey)/ RM4+stamp
Aku kurang arif utk mereview music metal. Ni merupakan kugiran metal dengan vocal yang amat marah dari Besut, Terengganu. Ada jugak sikit part vocal yang melodic pada lagu kedua. Hanya ada tiga lagu dalam cd ni. Nak kata single, bukan single. Lirik tidak disediakan, jadi aku tak tahu apa mesej yang ingin disampaikan. cannaris@gmail.com or www.myspace.com/cannaris (nizang)

Parkinson/Reconstruct (Broken Noise/Black Konflik)/RM10
Siallah. Aku tak jumpe mane pegi 3-way split grind aku antara Parkinson, SMG dengan Kereno Neko. Takpelah. Aku review CD ni je sebab CD ni pun aku tak review lagi. Ok, Reconstruct kembali dengan irama rocking heavy crust mereka dengan 5 buah lagu dengan lirik berkenaan polis, takmau tradisi dan kuasa melayu, penting diri sendiri, tamak haloba dan lain-lain. Parkinson pula lima lagu baru dan dua lagu cover dari Warsore. Pembuka side mereka ialah sessi interview bersama seorang makcik. Lirik berkenaan pencemaran, perperangan, ketamakan manusia dah lebih teruk dari binatang, dan lain-lain. Semua lirik kali ni, dalam bahasa inggeris! Black Konflik Records, Aizuddin, no. 59, Lorong 3, Taman Kenanga, 27600 Raub, Pahang, visikonflix@hotmail.com (nizang)

Blusterd 'pocketful of dreams' ep cdr (stuck)/ RM10
Blusterd merupakan sebuah band modern-rock/grunge dari Alor Star. Agak menarik untuk

ENVIRONMENTAL PROTECTION

By: along spek split parid

Environmental tribulations are an acute concern nowadays. Man's obliteration of nature to make way for development is indubitably backfiring and ruining his own future. Deforestation for multi purpose instigates the destructions of nature habitats, threatening species of wildlife to the brink of extinction.

Every single day, toxic waste is increasingly being discharged into the environment by factories, causing immense contamination towards our formerly pleasant air and water. Besides that, hazardous smoke released from industries and motor vehicles result in corrosive acid rain, which not only corrodes buildings and wildlife, but also causes several diseases to the lungs and skin.

Our masses of household residues are now becoming too much for the microorganisms in our ecosystem to assimilate into harmless constituents. Eventually, mother earth can no longer be inhabitable, pushing man himself to the endangered position.

But should we just sit back and watch this entire take place? Is there nothing we can do to protect our environment? There certainly is. The foremost action we must take is getting everyone committed towards environmental protection. As consumers, we should refuse to use Styrofoam boxes and plastic bags, and instead purchase and consume environment-friendly products.

Opt to live a simple lifestyle and reduce consumption recycling also alleviates the situation as beside cleaning the earth of unwanted rubbish, recycling also transforms eye-soring waste into practical products. By evading the use of tissues and paper towels, we lend a big hand towards reducing deforestation. Conserve water and energy to guarantee enough resources for future, our children's and grandchildren's as well.

Wastewater treatment is expensive, but saving water restrains pollution due to water waste. Conventional generators are a significant contributor towards pollution, while the construction of dams disrupts the ecosystem. Hence, conserving energy means reducing the need to generate energy, thus less destruction is caused towards the environment. Having fewer vehicles on the road or by using environment-friendly vehicles such as bicycle, pollution from motor can be controlled.

Proper garbage disposal is also a superior way of protecting our environment. Since rubbish mustn't be openly burned, rubbish should be burned in incinerators. Putrefied foodstuff and animal carcass ought to be buried to prevent infections. As for industries, particular dumping rounds must be acclaimed to discard toxic and radioactive waste. Every little action on our part can go long way to protect our environment.

Whatever we do serves as an example for others. By being informed of the issues, by making careful choices when shopping and by speaking up about the environment, WE CAN MAKE A DIFFERENCE.

BETWEEN LOVE & LIKE

By: daud-emo

In front of the person you love,
Your hearts beats faster..
But in front of the person u like,
You feel happy...

If you look into the eyes of the one you love,
Winter's another cold winter..
But if you like to the eyes of the one you like,
You will start to blush...

In front of the person you love,
You tend to get shy
But you can always be yourself
In front of the person you like

When the person you love cries
You will cry too
But when the one you like cries,
You will give the best comforting words from you...

The feeling of love starts from the eyes
But the feeling of like starts from ear
So, if you start to hate the person you used to like
All you need to do is cover your ears,
But if you try to cover your eyes,
Love turns into drops of tears...and
Remain in your heart forever...

Pagi ni aku bangun awal. Menjadi suatu perkara yang pelik bila aku bangun awal. haha. Biasa matahari duk atas kepala baru bangun. Inilah rutin seharian seorang penganggur. (baru habis belajar daaaa..) Tapi cuaca pagi memang baik, suhu pun sejuk. Best gila. Kabus pun belum hilang lagi. Pancaran matahari pun baik untuk kesihatan. Cahaya matahari adalah cahaya yang palik unik di dunia. Bayangkan matahari terbit di pagi hening, cahayanya yang masih lembut mengintai-ngintai (anak-anak dara mandi) di celah pohon dan menghasilkan bayang memanjang disebalik pohon tersebut. Semakin tinggi matahari, semakin kian memendek bayang-bayang. Pastu kita dapat melihat bagaimana cahayanya semakin keemasan dan kian memerah saga. Lalu bayang-bayang akan menjadi kembali memanjang. Sama seperti hidup kita. Kadang-kadang kita di atas, kadang-kadang kita di bawah, kadang-kadang kita dipijak, kadang-kadang kita memijak, kadang-kadang kita gembira, kadang-kadang duka. Right? That's life maaaTry lah bangun awal pagi...memang best gila. Cubalah, mungkin anda akan dapat sesuatu daripadanya.

Kalau difikirkan, Tuhan dah jadikan siang dan malam sebagai satu sistem hidup yang cukup lengkap dan tersusun rapi. Malangnya manusia sering kali tidak seimbang dalam mengatur hidup mereka termasuk aku. Haha. Siang aku bagaikan malam, malam bagaikan siang. Ada yang mengatakan aku macam batman. Aku tidur bila lampu jalan dah tutup, dan bangun bila lampu jalan dah bersinar balik...pening-pening...Ada juga manusia yang tidak cukup waktu siang. Pengaruh kemajuan telah mengatasi segala-galanya. Mereka lebih mengkehendaki waktu siang lebih panjang dari waktu malam. Kerja sampai lewat malam. Ishk..ishk..lantaran kitaran hidupnya sudah tidak sempurna. Mereka sudah hilang saat-saat bahagia mereka....aku rasa aku banyak merepek lah...betul kan?

Pada isu ini, aku akan memberitahu kawan-kawan sekalian dengan sejujur-jujurnya. Aku sebenarnya kurang idea untuk menulis dalam zine ni. Idea tak banyak yang muncul dalam kepala otak. Lagipun tiada apa yang menarik berlaku di sekitar aku. Dan yang lebih utama, aku seorang yang pemalas! Malas macam taik...haha. Seperti biasa, kalau dah takde benda nak buat, aku akan merayau-rayaukan diri aku seorang diri di malam yang sunyi sambil melayan kalau ada apa-apa perasaan 'blues' yang muncul tatkala aku kesunyian. Maklumlah, bila dah puas bergembira, kekadang tu terasa jugak nak bersendirian. Betul tak?

Tiba-tiba satu idea best muncul,...apa dia? Hmmm...aku nak tukar zine ni jadi macam komik. Ala...macam gempak tu, tak pun macam corepeps da kartun dan sedikit informasi. Barulah orang tak boring membaca. Ye tak? Pastu aku nak lukis kartun pahlawan melayu zaman dulu-dulu. Cerita pasal lawan-lawan, tikam-tikam, dan ada sedikit aura-aura sakti...ala..macam komik cina yang popular kat kedai mamak tu! Kenapa pelukis-



krass kepala @ KL

pelukis di Malaysia ni tak tiru macam komik-komik tu? Taklah tiru semua. Tukarlah watak-watak dan keadaan macam zaman pahlawan kita dulu-dulu. Baru best! Berbalik kepada cerita aku tadi, bila fakir balik, cerita ni tak sesuailah. Terlalu ganas dan tak logik. Nanti ada yang terpengaruh, mati aku. Haha.

Lepas tu dapat pulak idea baru. Aku nak buat cerita bidadari. Bolehlah aku lukis kartun perempuan cantik-cantik, seksi-seksi,..tapi boleh ke huh?? Kalau ada kawan-kawan yang terangsang, aku jugak yang berdosa. Aku pun teruskan merayau. Sekali sekala berjogging sambil melompat bintang. Haha. Aku rasa lagi bagus kalau aku buat cerita seram....cerita hantu...aku rasa kat luar sana ramai peminat cerita seram. Betul tak? Kalau tak, takkan mastika lancau tu laris gila. Lukis hantu-hantu yang seram, berjubah putih, berdarah, taring tajam, mata merah macam lepas hisap gam, dan takde kaki! Seram gila! Tapi boleh ke? Aku ni penakut sket. Nanti tak pasal-pasal terkencing atas tilam baca cerita sendiri...ishk...buat cerita lain lah...

"segalanya menjadi semakin kabur, sunyi dan gelap gelita".

Macam mana dengan cerita futuristik? Macam kisah yang akan berlaku masa hadapan. Macam cerita star wars tu. Best jugak kan? Boleh membuatkan kita menjadi kreatif dan berfikiran lebih kehadapan. Boleh lukis makhluk yang macam alien, berkepala besar bas, muka berkedut-kedut, berteknologi canggih dan sebagainya. Tambah sket scene percintaan dan romantik. Baru best! Tapi boleh ke? Macam bodoh pulak cerita macam ni. Habis aku nak buat cerita pasal apa huh?

Last-last aku dapat satu idea yang tersangat best.. bila dapat je cerita best ni, tiba-tiba je rasa tahap adrenalin aku bertambah. perasaan seperti rasa seronok, ghairah, klimaks dan sket rasa macam nak terkencing...ishk...ishk...aku pun cepat-cepat balik rumah, capai pensil, pen dan paper. Bersedia untuk berkarya, tapi tiba-tiba je aku rasa perjalanan darah aku macam berhenti seketika...makin perlahan dan perlahan... segalanya menjadi semakin kabur, sunyi dan gelap gelita. Baru aku tahu kenapa aku menjadi begitu, rupa-rupanya aku mengantuk dan akhirnya siap jugak 2/3 helai muka surat zine ni. Tak payah pening-pening kepala cari idea buat artikel. Hahahahaha. Ioing3x!!!

Hari ni, lidah aku berdarah. Aku tergigit semasa tengah syok makan epal. Kemanisan epal membuatkan aku alpa sehingga menggigit lidah. Banyak jugak darah yang keluar. Agak-agak penuh satu botol susu. Ini telah membuatkan rutin seharian aku terbantut. Mungkin selepas ini boleh tukar slogan, 'sedap sehingga menjilat jari' kepada 'sedap sehingga menggit lidah." Sedap ke kalau makan lidah lembu?

menahan mata untuk sedikit rezeki

Pada malam 8hb jun lepas, aku telah bertolak ke Kuala Lumpur dengan dua lagi serangga perosak, shahiran dan parid. Perasaan masa tu memang tak dapat digambarkan. Excited nk mampus. Dah lama tak pergi KL. Lagi-lagi pergi nk tengok gig, jumpa kawan-kawan lgi, buang masa lagi. Lagi excited gila babi. Banyak yang bermain dalam pikiran aku masa dalam bus tu. Haha. Ishk...ishk...sejuk bangat sih aircond bus ni. Dah lah aku lupa nk bawak sweater. Bengong! Separuh beku aku dalam bus. Macam duk dalam peti sejuk. Aku melingkar macam ular. Aduih. .nasib badan. Bus pulak gerak macam siput! Babi!

Tiada apa yang menarik untuk diceritakan sepanjang perjalanan. Tiada pemandangan yang indah dan menarik kerana hari waktu malam. Gelap! Haha. Lagipun keliling aku masa tu semua lelaki. Aku hanya berbual kosong dengan shahiran. Aku berbaring dengan pelbagai posisi hardcore kerana tak tahan dek hembusan salji aircond. Parid mengambil posisi di belakang seat kami. Nampaknya dia begitu gembira bermadu kasih dengan seorang pak cik! Hehe. Bus masih lagi terus bergerak perlahan membelah kedinginan malam. Aku pulak membelah kedinginan aircond bus. Walaupun sejuk, tapi aku tetap buat lek lek sudah!.....

Bus kami berjaya mendarat di stesen putra lebih kurang pukul 4.15 minit pagi. Terus call rizie untuk mengambil adiknya, parid. Aku dengan sha diangkut oleh kawan sekampung. Kiranya pagi tu aku tak tidur kat umah nizanglah. Suasana masa pagi-pagi memang best. Agak membelai jiwa raga. Tenang dan tenteram. Suasana yang baik untuk melayan blues! Hoho. Jiwang karat. Masa ni tak ramai orang pun. Cuma kelihatan pak cik – pak cik teksi yang masih utuh di atas kaki sendiri mencari rezeki. Menahan mata untuk sedikit rezeki. Lebih kurang 20 minit, rizie pun sampai dengan skuter turbonya. Muka pucat macam baru kena kejar hantu. Mungkin terlalu sejuk. Selesai sesi bersalaman dan mencium mulut, kami membawa haluan masing-masing. Aku dengan shahiran tidak terus pulang ke rumah, tapi ke mana? Haha. Malas nk cerita sebab takde kaitan langsung dengan hc/punk. Hanya kami yang tahu. Biarlah rahsia, kata siti nurhaliza.

Hari ini hari ahad. Waktu bangun tidur tetap sama macam kat umah sendiri. Bangun pun ikut sedap jer. Aku tetap tido lena walaupun tidur atas sofa keras macam batu belah batu bertangkup! Jam menunjukkan pukul 2 petang. Masih ada lagi raksasa bergelimpangan melayan mata. Ada yang membasuh kereta dan moto, menyapu rumah, dan berbual kosong! Maklumlah hari cuti. Masa ni

ADA ADA PADA NAMA?

oleh xnizangx

Sebenarnya aku plan takmau buat pun ape-ape event berkaitan hc/punk untuk musim raya tahun ni pasal aku selalu sibuk dengan hal keluarga time-time cenggini. Aku pun suruh la beberapa orang rakan buat jam session untuk raya ini. Tapi macam-macam pulak alasan. Aku tengok macam tak nampak jalan. Tapi atas pertanyaan 2-3 band, dan ada juga yang beria-ia suruh aku buat, aku pun buat jugaklah.

Tapi, aku buat lambat sikit iaitu pada raya ke-5 berbanding tahun lepas di raya ke-3. Memang agak lewat dan mungkin dah ade yang balik ke tempat masing-masing untuk bertugas. Aku buat hanya semata-mata untuk memeriahkan dan untuk berkumpul dan 'bertemu-mata' dengan kawan-kawan lama dan baru. Apatah lagi pada musim perayaan macam ni.

Lagi satu sebab, ialah minat. Kalau takde minat yang mendalam terhadap mende alah hc/punk ni, sape nak buat ape-ape aktiviti macam ni. Untung bukannya ada, risiko untuk rugi je yang tinggi.

Memang tak pernah terlintas langsung aku ni organize apa-apa event kat sini atau kat mane-mane pun untuk mendapat name atau penghargaan mahupun dipandang tinggi oleh sape-sape. Aku buat jam session Nasik Dagang Raya Jamm tahun lepas pun sebab aku rase scene Terengganu dah lame senyap takde aktiviti bersama walhal band bertambah banyak.

Yelah, aku gelar diri aku punk. Tapi tak dress-up macam punk pun. Senang, aku tarik balik la mana-mana yang aku pernah tulis yang aku ni punk atau aku ade cakap kat sape-sape. Aku hanyalah aku, Nizang. Aku bukan punk, aku bukan hardcore, aku bukan indie. Aku Nizang. Kalau mung kate tak dressing punk tu bukan punk. Habis, Ian Mackaye, Henry Rollins, Greg Greffin tu ape? Bagi aku mereka-mereka ni tersangatlah punk.

Aku tau, sesetengah budak-budak punk memperjuangkan 'the fashion side of punk'. Aku hormat perjuangan kau, itu hak kau. Itu cara kau. Bagi kau, definisi punk kene berpakaian macam punk. Ada pulak yang perjuangkan punk kene lepak dengan budak-budak punk tiap sabtu kat bus stand. Fine, itu part diorang. Itu sumbangan kau untuk scene punk tempatan. Aku respect kau punye sumbangan. Maybe boleh sampaikan knowledge yang kau ade pade budak-budak punk yang baru nak belajar. Tapi kesemua itu TIDAK wajib bagi aku untuk menjadi punk.

RUANGAN SANTAI

Apa kata kite buat part masing-masing. Tak payah la kite bersaing-saing dalam scene hc/punk kecik macam kite ni. Kalau nak bersaing, baik masuk muzik-muzik ke akademi fantasia ke. Semua orang ade tempat dalam scene hc/punk ni. Kita buat apa yang kita rasa patut untuk memeriahkan dan menaikkan scene tanpa ada rasa nak nama atau nak saing-bersaing.

Ini cara aku, yang aku rase patut untuk disumbangkan untuk scene tempatan. Menulis untuk punk fanzine, buat acara kecil-kecilan untuk punk fanzine, buat acara kecil-kecilan (takde modal nak buat gig besar) dan jugak mengedarkan hasil rakaman band kawan-kawan (tu pun kalau ade duit). Aku buat ni semua pun sebab aku minat gile dengan hc/punk, band-band tempatan dan aku rase mereka mempunyai potensi dan patut diberi galakan untuk pergi lebih jauh.

Punk dah wujud sejak akhir 70an dan definisi punk adalah berbeza untuk setiap orang. Ia sudah berevolusi dan ia tidak patut static seperti di awal kewujudannya. Ideologi punk adalah hasil ciptaan manusia jadi sudah tentu ia tidak sempurna. Jadi, kita sebagai seorang manusia yang ada otak dan sekolah tinggi-tinggi mestilah memperelokkannya ke tahap maksima. Kita duk kat Malaysia bukan UK atau America. Kita buatlah guna acuan kita.

Oklah aku rasa sampai sini dulu tulisan aku untuk kali ini. Jika ada yang hendak memberi maklumbalas tentang tulisan ini, bolehlah kontek aku di alamat email yang tertera di atas. Terima kasih. Selamat Hari Raya. Maaf zahir dan batin.

A LITTLE STORY

By: Si Polan

This is a story about four people. EVERYBODY, SOMEBODY, ANYBODY, and NOBODY. There was an important job to be done, and EVERYBODY was sure that SOMEBODY would doit...ANYBODY could have done it, but NOBODY did it. SOMEBODY got angry about that because it was everybody's job. EVERYBODY thought ANYBODY could do it, but NOBODY realized that EVERYBODY wouldn't do it. It ended up that EVERYBODY blame SOMEBODY when NOBODY did what ANYBODY could have done.

Bolehkah hc/punk culture ni diterima oleh masyarakat? Bagaimana?

Mungkin boleh jike masyarakat mule berfikir dan membuke meinda mereke.. berfikir secare rasional dan renongkan mengape wujudnye contra-culture ini?? bagaimana? hehe.. tu hanye pendapat kami sahaje..bagaimane pula dengan anda?? *(ed: memang boleh. Tapi banyak benda yang perlu diubah. Seperti mentality masyarakat dan perlakuan punkers itu sendiri)*

Apa cita-cita/perancangan anda yang msih belum tercapai dan ingin dicapai pada masa hadapan? Cerita sahaja, jangan malu-malu ?

Kami nak kahwin..hahaha *(ed: aku pun nk! Sapa yang tak nak...haha)*

Oklah, kata-kata azimat dan nasihat untuk aku dan pembaca di luar sana?

Kami mengucapkan banyak² trima kasih.. pada pembaca² dan tukang tanye ni..hehe..kalo ayat kurang sedap ke ape ke.. tu lantak kite orang lah kan nak letak jawapan cam mane.. kalau suke bace, kalo x suke suke ati korang..bak lirik marjinal "ku tak perdulik walau kau tak suka itu sudah biasa" hahaha....

Sekian..terima kasih banyak kawan-kawan! Hidup kokak!!

Same²..i love d-beat!! cheers from kokak!! and thanx coz iv kami!!

Contact: Faradilla.Aini@mclarensyoung.com

FORMAT MASA DEPAN

Hello aniq jambu!

Format masa depan terdiri dari 4 orang anak muda , pasyeikh-vocalist, yaser-guitar, rachu-bass, zamer-drum Band ini ditubuhkan pada penghujung tahun 2006, kami memilih untuk memainkan music jenis emoviolence/chaotic hardcore.



Inspirasi tertubuhnya band ini adalah datang daripada band-band yang kami amat cinta dan suka untuk mendengarnya, untuk turut berpatisipasi dalam scene, berkongsi sesuatu idea, having fun, meriliskan stuff sendiri dan sebagainya. Setiap lineup FMD mempunyai influence music yang berbeza sama sekali seperti grindcore, thrashcore, screamo dan apa lancau yang lain lagi! Band-band yang memberi influence berat kepada kami ialah orchid, enoch ardon, the apolexy twist orchestra dan apa lancau yang lain lagilah! haha

Kebanyakkan lirik adalah berkenaan tentang sesuatu yang berlaku disekeliling kami, friendship, scene, keadaan semasa. Sebagai contoh, ada lirik tentang makananan, ok kami memang teramat suka makan masakan cina/india, tetapi ada melayu pride yang sering menyatakan makanan yang dimasak oleh bangsa lain adalah kotor! Pegi mampus malay pride! Kebersihan/kekotoran bukan terletak pada bangsa apakah kita, tetapi ianya terletak pada diri individu itu sendiri!



Kami belum rilis apa apa material lagi. Dijangka hujung tahun 2007 mungkin demo self released akan keluar, dan juga split cassete bersama Young And Dangerous! Untuk jaringan pertemanan, pertanyaan atau apa apa je lah sila lawati www.myspace.com/formatmasadepan atau email ke formatmsdpn@yahoo.com, sisicerahpunk@gmail.com

Thanks to aniq!

aku duk umah kawan sekampung! Aku xlah knal mana budak-budak ni. Syahiran baik ah. Aku just follow up jer. Lepas siap2 kan badan, kami terus merempit ke Bandar. Aduh, bahaya sih kalau merempit kat KL. Kereta bapak banyak. Nak mencelah pun xboleh. Haha. Pergi ke Bandar ni pun sebab si sya ni nak shopping katanya. Pergi kl macam lari dari rumah. Tak bawak apa-apa pun. Sehelai sepinggan. Katanya, berat nak bawak baju! Kataku, ko bogel jelah!

Hurm..dipendekkan cerita, petang tu aku call rizie. Tapi tak diangkat. Then call nizang, tapi rizie yang angkat. Diorang ni ada skandal ke? Haha. Kami pun berjumpa di Central Market terus. Lepak-lepak kat Bau-Bau Café. Parid masih lagi kebingungan sebab first time sampai KL kot. Haha. Lepas tu melepakkan diri di kedai joe kidd. Tengok-tengok stuff. Aku jadi gila sebentar dek kerana terlalu banyak stuff kat situ. Aduh! Tengok jelah. Lebih kurang pukul 7 gig start. Kelewatan disebabkan oleh beberapa masalah teknikal. Tapi itu tak melemahkan semangat aku untuk pergi bersuka ria. Band pembukaan adalah band mona. Datangnya dari tempat belajar xakmalx. Akmal bagitau yang band ni menang dalam battle of the band kat tempat dia belajar. So main di gig ni adalah salah satu daripada hadiahnya. Memainkan irama metalcore. Tak banyak yang aku dapat ulas masa ni sebab crowd masih lagi belum panaskan badan. Lepas itu second combat mengambil alih pentas. Kelihatan ramai budak-budak straight edge yang memangkah tangan di depan stage. Masa ni aku dah jadi excited gila. Maklumlah, masa second combat datang terengganu hari tu aku tak dapat nak sing a long. Sekaranglah masanya. Yeah! Aku pun terus meluru didepan. Apa yang aku dapat katakan second combat berjaya menyerakkan suara aku. Haha.

Lepas itu, giliran yogyakarta mengambil bahagian. Band ini aku rasa tak perlu diperkenalkan lagi sebab semestinya ramai yang dah tahu kewujudannya. Band kota singa ini memainkan banyak jugak lagu. Tapi aku lupa tajuknya. Kuang3x. yang aku tahu satu je, punksai! Haha. Si vokalis banyak memainkan peranan walaupun secara keseluruhan bahasa melayunya fail! But whos care, right? Tapi best, buat aku pecah perut! Masa tengah perform tu, tiba2 si vokalis bukak baju dan seluar. Tinggal dot dot dot. Sampaikan awek India kat sebelah aku tu terkejut dan bersembang dengan aku. Banyak jugak yang ditanya. Semuanya dalam bahasa inggeris. Aku jawab simple-simple jer. Last skali dia senyum kat aku! Wah, terasa dunia ini milik ana yang punya. Haha. Masa tu muka aku macam ada jalur gemilang. Malu nak mampus. Almaklumlah, jarang awek senyum kat aku.

Lepas tu, gig diberhentikan seketika untuk memberi laluan kepada saudara Rad. Dia ni banyak menunjukkan skill-skill membuat stencil. Tapi yang aku rasa kureng, dia ni hanya tunjukkan cara atau teknik menyembur jer. Spray. Tapi tak menunjukkan cara membuat bekas/frame/blok gambar stencil tu. bedal jelah. Mungkin tak sempat kot. Gambar stencil tu ada bulldozer besar dan depan bulldozer tu ada bdk kecik. Ala yang macam cover buku goblog tu. acara ni mengambil masa



Young and Dangerous & Yogyakarta in action!

yang agak lama. Lebih lama dari menunggu bas sekolah. :p tapi memang berbaloi. First time aku tengok orang buat benda-benda macam tu. biasa tengok kat tv jer.

Gig disambung balik. Young And Dangerous mengambil pentas. Tak payah perkenalkan lagi band ni. Semua dah kenal. Antara band yang paling banyak mengeluarkan merchandise. Haha. Aku rasa YAD memainkan semua lagu dalam album barunya, dangerous youth and the lifesaving thrashpunk tunes. Masa ni ramai budak-budak ber'bandana' kat depan termasuk aku. Band dan crowd masa ni sporting habis. Aku pun banyak sing a long. Air liur si xtimx pun banyak kena kat muka aku. Masam! Lepas tu 679 main. Aku pun tengok band ni main kejap jer. Drummer dia ketat gila. Pastu parid pulak sibuk nak suruh hantar dia pergi pudu. Dia kena balik. Lusa dia ada exam! Entah lulus ke tidak dia tu...skitzofrenia aku xsempat tengok terus. tamat



Young and Dangerous



MASKED READER #3!

ENVIRONMENTAL PROTECTION

By: along spek split parid

Environmental tribulations are an acute concern nowadays. Man's obliteration of nature to make way for development is indubitably backfiring and ruining his own future. Deforestation for multi purpose instigates the destructions of nature habitats, threatening species of wildlife to the brink of extinction.

Every single day, toxic waste is increasingly being discharged into the environment by factories, causing immense contamination towards our formerly pleasant air and water. Besides that, hazardous smoke released from industries and motor vehicles result in corrosive acid rain, which not only corrodes buildings and wildlife, but also causes several diseases to the lungs and skin.
Our masses of household residues are now becoming too much for the microorganisms in our ecosystem to assimilate into harmless constituents. Eventually, mother earth can no longer be inhabitable, pushing man himself to the endangered position.

But should we just sit back and watch this entire take place? Is there nothing we can do to protect our environment? There certainly is. The foremost action we must take is getting everyone committed towards environmental protection. As consumers, we should refuse to use Styrofoam boxes and plastic bags, and instead purchase and consume environment-friendly products.

Opt to live a simple lifestyle and reduce consumption recycling also alleviates the situation as beside cleaning the earth of unwanted rubbish, recycling also transforms eye-soring waste into practical products. By evading the use of tissues and paper towels, we lend a big hand towards reducing deforestation. Conserve water and energy to guarantee enough resources for future, our children's and grandchildren's as well.

